

47% nilai kontrak MRT-bumiputera

LAPORAN "Hanya Tujuh Syarikat Bumiputera Terlibat MRT: Teraju Perlu Beri Penjelasan - PKMM" di *Utusan Malaysia* bertarikh 9 Ogos 2012 adalah dirujuk.

Unit Peneraju Agenda Bumiputera atau ringkasnya 'Teraju' diwujudkan dengan mandat untuk menerajui, memacu dan menyelaraskan agenda pembangunan ekonomi bumiputera. Sebagai sekretariat kepada Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MTAB) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Teraju yang dilancarkan pada 11 Februari tahun lalu setakat ini telah mewujudkan lebih RM13 bilion peluang perniagaan dan pembiayaan untuk bumiputera.

Peluang-peluang ini disediakan melalui penyelarasan yang dilakukan dengan agensi-agensinya kerajaan yang bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung dalam agenda pembangunan bumiputera.

Salah satu pendekatan yang digunakan oleh Teraju adalah membuka akses kepada pasaran; termasuklah kepada pembinaan projek MRT sepanjang 51 km antara Kajang-Sungai Buloh seperti yang dibangkitkan oleh Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM). Ini merupakan satu inisiatif Teraju untuk membuka pasaran kepada bumiputera dalam projek-projek berimpak tinggi.

MTAB yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri juga membuat keputusan untuk MRT Corp memperuntukkan 43 peratus (2) atau RM8.58 bilion daripada nilai-nilai projek ini kepada syarikat-syarikat bumiputera.

Selain itu, Perdana Menteri juga mengumumkan bahawa MRT Corp menubuhkan sebuah unit bumiputera bagi menentukan keputusan ini dilaksanakan; selain menjadi pemudah cara kepada kontraktor bumiputera yang berminat untuk mengambil bahagian dalam projek infrastruktur ini.

Dalam mesyuarat MTAB pada 26 Julai lalu, MRT Corp telah melaporkan sebanyak 47% daripada keseluruhan nilai pakej kerja telah dan akan ditawarkan kepada syarikat-syarikat bumiputera dan ia melebihi sasaran awal.

Setakat Julai, 17.5 pakej bernilai RM7.6 bilion telah ditawarkan kepada syarikat-syarikat bumiputera meliputi kerja-kerja awal (*advance works*) (10 pakej), laluan trek (*elevated guideways*) (3 pakej), stesen

NORIZAN SHARIF



Tawaran pakej-pakej ini dibuat melalui tender terbuka yang diiklankan dalam akhbar-akhbar utama; untuk menentukan penglibatan syarikat bumiputera berdasarkan merit, berdaya saing dan dilakukan secara telus.

bertingkat (*elevated station*) (1 pakej), depot (2 pakej), tempat letak kereta bertingkat (1 pakej) dan kerja-kerja bawah tanah (0.5 pakej).

Selain daripada projek-projek yang disenaraikan di atas, sebanyak 17 pakej lagi akan ditawarkan kepada bumiputera dengan nilai RM1.7 bilion, menjadikan jumlah keseluruhan yang ditawarkan kepada bumiputera ialah RM9.3 bilion.

Pada masa sama, RM200 juta kontrak lagi akan ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera Kelas D, E dan F dalam 250 pakej.

Tawaran pakej-pakej ini dibuat melalui tender terbuka yang diiklankan dalam akhbar-akhbar utama; untuk menentukan penglibatan syarikat bumiputera berdasarkan merit, berdaya saing dan dilakukan secara telus.

Peranan Teraju ialah membuka peluang pasaran ini dan menentukan keputusan-keputusan MTAB dilaksanakan. Manakala, proses tender dan kesemua tawaran kontrak dibuat oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan oleh MRT Corp.

Dalam laporan kepada MTAB juga, MRT Corp menyebut bahawa cabaran sekarang ialah (a) menentukan agar kerja-kerja yang ditawarkan kepada kontraktor utama memberikan manfaat kepada kontraktor kecil

INFO	
SYARIKAT-SYARIKAT BUMIPUTERA YANG TELAH DITAWARKAN KERJA-KERJA	
PAKEJ	SYARIKAT
1 Pakej C1: Membina dan menyiapkan kerja-kerja platform termasuk kerja tanah, jalan masuk, kerja-kerja sistem saliran, substesen TNB, tembok penahan, perlindungan utiliti dan kerja-kerja sampingan untuk Semantan.	Menta Construction Sdn. Bhd.
2 Pakej D2: Penempatan semula saluran pembentungan sedia ada dan saluran paip air utama untuk Cochrane.	Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd.
3 Pakej SYB1: Penempatan semula saluran paip air dan pengurusan trafik sedia ada untuk KL Sentral.	Hatimuda Sdn. Bhd.
4 Pakej TEL1: Penempatan semula talian telekomunikasi untuk KL Sentral.	Sri Communication Sdn. Bhd.
5 Pakej TCO1: Penempatan semula talian gentian optik sedia ada untuk KL Sentral.	Tenaga Nirwana Sdn. Bhd.
6 Pakej TNB1: Penempatan semula kabel elektrik sedia ada untuk KL Sentral dan Merdeka.	Worktime Engineering Sdn. Bhd.
7 Pakej TEL2: Penempatan semula talian telekomunikasi sedia ada untuk Merdeka.	Sri Communication Sdn. Bhd.
8 Pakej TEL3: Penempatan semula talian telekomunikasi sedia ada untuk Maluri.	Sri Communication Sdn. Bhd.
9 Pakej TCO2: Penempatan semula talian gentian optik sedia ada untuk Maluri.	Fastpro Sdn. Bhd.
10 Pakej TNB2: Penempatan semula kabel elektrik sedia ada untuk Maluri.	Huls Transmission Sdn. Bhd.
11 Pakej V1: Membina dan menyiapkan jejambat dan lain-lain kerja berkaitan dari Sungai Buloh ke Stesen Damansara.	Syarikat Muhibah Perniagaan dan Pembinaan Sdn. Bhd.
12 Pakej V6: Membina dan menyiapkan jejambat dan lain-lain kerja berkaitan dari Plaza Phoenix ke Stesen Bandar Tun Hussein Onn.	Ahmad Zaki Sdn. Bhd.
13 Pakej V7: Membina dan menyiapkan jejambat dan lain-lain kerja berkaitan dari Bandar Tun Hussein Onn ke Taman Mesra.	MTD Construction Sdn. Bhd.
14 Pakej DPT1: Membina dan menyiapkan Depot Penyelenggaraan Sungai Buloh, bangunan pentadbiran, kerja-kerja luaran dan lain-lain kerja berkaitan.	Trans Resources Corporation Sdn. Bhd.
15 Pakej UGW: Kerja-kerja bawah tanah (terowong, stesen-stesen dan struktur-struktur berkaitan) antara pintu utara Semantan dan pintu selatan Maluri.	MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn. Bhd.
16 Pakej S4: Tiga stesen (Seksyen 16 PJ, PB Damansara dan Semantan)	Naim Engineering Sdn. Bhd.
17 Pakej MSPR1: Parkir bertingkat di Sungai Buloh.	TSR Bina Sdn. Bhd.
18 Pakej DPT2: Membina dan menyiapkan Depot Kajang, bangunan pentadbiran, kerja-kerja luaran dan lain-lain kerja berkaitan.	TSR Bina Sdn. Bhd.

bumiputera, (b) kontraktor bumiputera mendapat margin keuntungan yang berpadanan dan (c) membangunkan kapasiti kontraktor bumiputera.

Ini adalah antara bidang-bidang yang sedang diberikan perhatian oleh MRT Corp bagi menentukan projek infrastruktur berimpak tinggi ini memberikan manfaat kepada syarikat-syarikat bumiputera seperti yang dihasratkan oleh MTAB.

Akhir sekali, saya ingin menyebut bahawa MTAB juga memutuskan bahawa pendekatan *carve out* seperti yang dilaksanakan bagi projek MRT penajajaran Kajang - Sungai Buloh akan terus dilaksanakan dalam lain-lain projek berimpak besar bagi menentukan penyertaan bumiputera dalam projek-projek ini.

Ini adalah merupakan komitmen kerajaan untuk menentukan bumiputera diwa-

kili secara seimbang dalam pekerjaan berpendapatan tinggi dan pemilihan syarikat-syarikat besar, di samping penyertaan dalam sektor bertumbuh tinggi dalam ekonomi.

NORIZAN SHARIF
Pengerah Kanan, Pengurusan Stakeholder Unit Peneraju Agenda Bumiputera Jabatan Perdana Menteri.